

SIARAN MEDIA

MyCC KENAKAN PENALTI TERHADAP TUJUH PERUSAHAAN TERLIBAT KARTEL TIPUAN BIDA

KUALA LUMPUR, 5 SEPTEMBER – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), sebuah agensi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), hari ini mengeluarkan Keputusan Dapatan Pelanggaran terhadap tujuh (7) perusahaan yang didapati melanggar seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712) kerana terlibat dalam aktiviti kartel tipuan bida yang melibatkan empat (4) tender yang ditawarkan oleh Kementerian Pertahanan (MINDEF) dengan nilai keseluruhan sekitar RM20 juta pada tahun 2017 dan 2020.

Perusahaan-perusahaan yang terlibat adalah seperti berikut:

- i. Agenda Eksklusif Sdn Bhd (AESB) – Terlibat dalam semua 4 tender;
- ii. Star Apex Enterprise (SAE) – Terlibat dalam semua 4 tender;
- iii. Nekad Waja Resources (NWR) - Terlibat dalam semua 4 tender;
- iv. Spectron Sdn. Bhd. (SSB) - Terlibat dalam 2 daripada 4 tender;
- v. Teknokrat Makmur Enterprise (TME) - Terlibat dalam 1 daripada 4 tender;
- vi. Prospectrum Sdn. Bhd. (PSB) - Terlibat dalam 1 daripada 4 tender; dan
- vii. NK Panorama Enterprise (NKPE) - Terlibat dalam 1 daripada 4 tender.

Kronologi penyiasatan, representasi dan keputusan

MyCC telah memulakan penyiasatan rasmi berikutan aduan mengenai dakwaan kartel tipuan bida di dalam 2 tender. Sepanjang tempoh penyiasatan, agensi ini telah melaksanakan serbuan, mengambil kenyataan, meminta maklumat dan menganalisis bukti yang berkaitan. Pada 19 Disember 2023, MyCC telah mengeluarkan Keputusan Cadangan kepada 7 perusahaan yang terlibat dan seterusnya MyCC telah menerima representasi daripada perusahaan-perusahaan tersebut. Selepas menilai dengan teliti semua representasi yang dikemukakan, MyCC telah mengeluarkan keputusan dapatan pelanggaran terhadap kesemua 7 perusahaan pada 30 Ogos 2024 dan ianya telah diserahkan kepada perusahaan-perusahaan yang terlibat pada hari ini.

Perlakuan kartel oleh perusahaan terlibat

Dalam penyiasatannya, MyCC telah mengenal pasti kewujudan 2 kumpulan kartel. Kumpulan kartel pertama terdiri daripada AESB, SAE, NWR, TME, dan SSB. Sementara itu, kumpulan kartel kedua pula membabitkan NKPE dan PSB, dan kedua-dua perusahaan ini terlibat di dalam 1 daripada 4 tender yang disiasat.

Modus operandi kumpulan kartel pertama ini menunjukkan AESB memainkan peranan utama dalam keempat-empat tender yang disiasat. AESB menetapkan harga asas dan perusahaan-perusahaan lain seperti SAE dan NWR mengemukakan harga yang lebih tinggi daripada harga asas tersebut dalam kesemua tender tersebut.

**UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA / EKONOMI**

Bagi perusahaan SSB yang terlibat di dalam 2 daripada 4 tender juga telah menggunakan harga asas yang ditetapkan oleh AESB. Manakala TME yang juga terlibat dalam 1 daripada 4 tender turut menggunakan teknik yang sama di dalam penyerahan tendernya. MyCC juga mendapati, sebaik sahaja SSB berjaya memenangi salah satu tender, tender tersebut terus disubkontrakkan kepada AESB dengan balasan 5 peratus daripada nilai tender tersebut.

Kebanyakan bukti yang diperolehi termasuklah dokumen tender berkaitan kumpulan kartel pertama telah ditemui di premis AESB di Manjung, Perak. Bagi kumpulan kartel kedua pula, MyCC berjaya merampas bukti dokumentari di premis PSB yang juga terletak di bandar yang sama.

Penalti Kewangan dan Denda

Akta 712 memberi kuasa kepada MyCC untuk mengenakan penalti kewangan yang tidak melebihi 10% daripada pusing ganti seluruh dunia perusahaan yang terlibat. Berdasarkan pengiraan terperinci oleh MyCC, yang mengambil kira faktor-faktor memberatkan dan meringankan, perusahaan-perusahaan yang didapati melanggar telah dikenakan penalti kewangan seperti berikut: -

Jadual 1: Penalti Kewangan, Denda dan Arahan

PERUSAHAAN	JUMLAH TENDER	PENALTI	ARAHAN
AESB	4	RM272,129.52	Diarah untuk mendaftar di dalam program pematuhan undang-undang persaingan dan latihan yang diluluskan oleh Suruhanjaya.
SAE	4	RM109,701.11	
SSB	2	RM43,889.92	
PSB	1	RM14,992.50	
TME	1	RM3,379.90	
PERUSAHAAN	JUMLAH TENDER	DENDA	ARAHAN
NWR	4	RM1,000.00	(i) Diarah untuk mendeposit Bon Berkelakuan Baik berjumlah RM5,000.00 kepada Suruhanjaya untuk tempoh 3 tahun; dan (ii) Diarah untuk mendaftar di dalam program pematuhan undang-undang persaingan dan latihan yang diluluskan oleh Suruhanjaya.
NKPE	1	RM1,000.00	

Jumlah keseluruhan penalti dan denda ialah **RM446,092.95**.

**UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA / EKONOMI**

"Kartel tipuan bida telah sekian lama menggugat ketelusan dan integriti perolehan awam negara, mengakibatkan kerugian besar kepada sumber awam yang sepatutnya dimanfaatkan untuk negara dan rakyat. MyCC tetap teguh dalam usaha membanteras amalan tidak beretika ini, sejajar dengan komitmen kerajaan Malaysia untuk membasmi kartel tipuan bida. Bagi melindungi kepentingan kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia, MyCC kini sedang menyiasat 13 kartel tipuan bida yang melibatkan 561 syarikat dalam tender bernilai RM2.37 bilion serta menilai aduan berkaitan 463 syarikat dalam tender bernilai RM9.27 bilion," kata Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Encik Iskandar Ismail.

"Perlu saya tegaskan bahawa penyiasatan ini tertumpu kepada perusahaan-perusahaan yang terlibat dalam pelanggaran tersebut, bukannya terhadap Kementerian Pertahanan (MINDEF). MINDEF adalah mangsa manipulasi kartel-kartel ini. Kami menghargai kerjasama MINDEF dalam penyiasatan serta berdiri teguh bersama kami menentang aktiviti kartel yang tidak bertanggungjawab ini kerana kartel adalah kejahatan tertinggi di dalam undang-undang persaingan.

Kami menyeru agar agensi-agensi lain mencontohi tindakan MINDEF dan bekerjasama dengan MyCC dalam usaha melindungi ketelusan perolehan awam. Jika terdapat kementerian atau agensi yang mengesyaki berlakunya amalan tipuan bida dalam proses tender mereka, kami mengesyorkan agar segera menghubungi MyCC untuk membuat aduan," ujarnya lagi.

-tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA / EKONOMI

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bahagian Polisi dan Komunikasi

Telefon Bimbit: +6019 269 6037

Emel: pcd@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011 melalui Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 (Akta 712), yang dilaksanakan untuk melindungi proses persaingan yang seterusnya akan merangsang produktiviti, keusahawanan yang berterusan dan inovasi dalam kalangan perusahaan, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan

Akta 712 ini terpakai kepada semua aktiviti perdagangan yang dijalankan di dalam dan di luar Malaysia yang memberi kesan kepada persaingan dalam pasaran Malaysia. Ia menyediakan kerangka pengawalseliaan termasuk kuasa untuk menyiasat, menghakimi, dan mengenakan hukuman kepada pelaku-pelaku yang melanggar undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-13 pada 1 April 2024 dan sehingga kini, MyCC telah mengambil tindakan tegas terhadap hampir 100 syarikat berkaitan dengan kartel dan penyalahgunaan kedudukan dominan dengan jumlah keseluruhan penalti kewanganyang telah dikenakan melebihi RM570 juta. Keutamaan semasa MyCC adalah termasuk meminda Akta untuk memperkenalkan rejim kawalan penggabungan, menumpukan usaha kepada kartel tipuan bida, kartel dalam sektor makanan dan pertanian, serta menangani cabaran yang dihadapi oleh perundangan dan dasar persaingan berikutan ekonomi digital.

Untuk maklumat lanjut mengenai MyCC, sila layari laman sesawang www.mycc.gov.my.